

PARLIMEN: Kerajaan Tidak Halang Kapal Asing Berlabuh Di Pelabuhan Sabah Dan Sarawak
Bernama
17 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap kapal asing berlabuh dan memunggah kargo serta kontena di pelabuhan di Sabah dan Sarawak selagi proses itu mematuhi undang-undang perkapalan dan maritim yang ditetapkan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Rabu.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata dakwaan kononnya kerajaan menghalang kapal dagang asing membawa masuk kontena dan kargo ke pelabuhan di Sabah dan Sarawak adalah tidak benar dan tidak berasas.

"Begitu juga dengan kapal yang nak bawa kargo dan kontena dari pelabuhan Sabah dan Sarawak ke pelabuhan di Semenanjung," katanya menjawab soalan Dr Hiew King Cheu (DAP-Kota Kinabalu) ketika sesi soal jawab.

Beliau menjelaskan bahawa pada 2009 kerajaan telah meliberalisasikan urusan pemunggaran di mana kapal dagang asing yang berlabuh di pelabuhan Malaysia seperti Pelabuhan Klang boleh terus memunggah kargo dan kontena di dermaga pelabuhan.

Bagaimanapun, katanya kontena dan kargo yang hendak diangkut dari satu pelabuhan ke pelabuhan lain di Malaysia perlu menggunakan kapal yang berdaftar di Malaysia dan mempunyai Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) yang sah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702649>